



**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE**

Aras 1, 4-5, 10-15, 17 & 18
No 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 03 8891 7100
Portal Rasmi : www.motac.gov.my

No. Rujukan : MOTAC.600-2/1/60/Jilid 6 (8)
Tarikh : 2 Mei 2025

**Kepada
Semua Pemegang Lesen Baharu
Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (MM2H)**

YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN TENTANG KEPERLUAN MENGEMUKAKAN PERMOHONAN
PESERTA MM2H KEPADA UNIT OSC MM2H DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dalam usaha untuk memastikan keberkesanan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H), semua pemegang lesen baharu perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri (MM2H) wajar mengemukakan permohonan peserta MM2H kepada Unit OSC MM2H Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh lesennya berkuat kuasa.
3. Kegagalan berbuat demikian boleh menimbulkan risiko pemegang lesen perniagaan pengendalian pelancongan dalam negeri (MM2H) dikatakan tidak berurus niaga selama apa-apa tempoh berterusan enam (6) bulan atau telah berhenti menjalankan perniagaan pengendalian pelancongan MM2H dan boleh menyebabkan lesennya digantung atau dibatalkan di bawah perenggan 8(1)(e) Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].
4. Namun begitu, bagi menyokong usaha pembangunan industri pelancongan, MOTAC memberikan **kelonggaran untuk permohonan peserta MM2H dikemukakan sehingga tarikh tamat lesen**. Sekiranya tiada permohonan peserta MM2H dikemukakan sehingga tarikh tamat lesen, MOTAC boleh mempertimbangkan untuk **TIDAK MELULUSKAN** permohonan pembaharuan lesen perniagaan pengendalian pelancongan MM2H selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 32(4) Akta 482.

**PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA PEMANGKIN PERPADUAN
NEGARA MAJU RAKYAT BERBUDAYA**



5. Semua pemilik lesen adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi Akta 482, peraturan, garis panduan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan MOTAC bagi memastikan kelangsungan operasi serta menjaga reputasi Program MM2H di peringkat antarabangsa.


6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MALAYSIA MADANI"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. JOHNNY ANAK ANDREW)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

s.k.

YBhg. Dato' Pesuruhjaya Pelancongan

YBrs. TKSU (PL)

SUSK YBM

SUSK YBTM

Semua Pengarah Pejabat MOTAC Negeri